

SULIT
3767/2
Ekonomi
Kertas 2
Ogos/Sept 2024
2 1/4 jam



NAMA :

TINGKATAN :

No. Kad Pengenalan..... Angka Giliran.....

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2024**

**EKONOMI
KERTAS 2**

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 (a) Perbualan berikut berkaitan dengan masalah ekonomi Syarikat Penghantaran Uzair Sendirian Berhad.

Encik Umar : Modal terkumpul kita ialah RM800 ribu. Apa perancangan tuan?

Encik Uzair : Saya bercadang membeli sebuah jentera pengasingan bungkusan berteknologi tinggi pada anggaran kos RM720 ribu. Saya juga ingin menambah bilangan lori bagi memudahkan penghantaran dengan kos sebanyak RM680 ribu.

Bagaimanakah syarikat tersebut menyelesaikan masalah yang dihadapi?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.

Negara G	Negara H
Daya saing antara pengeluar tinggi	Daya saing antara pengeluar tiada

- (i) Nyatakan sistem ekonomi Negara H.

.....

[1 markah]

- (ii) Tentukan cara penyelesaian masalah corak agihan barangan kedua-dua negara tersebut.

.....

.....


.....

.....


.....

[3 markah]

- (c) Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran Barang R.



Rajah 1



Rajah 2

Bezakan perubahan kuantiti barang tersebut bagi kedua-dua rajah.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
60	20
42	29

- (i) Hitung keanjalan harga permintaan jika harga barang tersebut menurun.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Mengapakah firma perlu menurunkan harga barang untuk memaksimumkan jumlah hasil?

.....

.....

.....

.....

[2 markah]



- 2 (a) Bagaimanakah bank pusat menguruskan hutang kerajaan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Gambar berikut berkaitan dengan sebuah institusi yang menguruskan caruman pekerja.



- (i) Jelaskan caruman tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (ii) Jelaskan kesan terhadap pencarum jika kadar caruman dinaikkan.

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (c) Jadual berikut menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos marginal (RM)
0	100	-	-
1	150	150	50
2	180	90	30
3	200	66.70	20
4	235	58.75	35
5	285	57	50
6	348	58	63
7	420	60	72
8	500	62.50	80

- (i) Jelaskan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos purata dan kos marginal pada output 0 hingga 5.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (ii) Jika harga seunit RM80, tentukan untung atau rugi firma pada keluaran 8 unit.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah projek pembangunan.

SEREMBAN - Sebuah kilang pembuatan dan pemasangan kenderaan tenaga baharu (NEV) bakal dibangunkan di kawasan perindustrian Chembong, Rembau secara berperingkat bermula tahun hadapan sehingga 2028. Kilang ini akan menjadi peneraju kenderaan elektrik di rantau ini.

Sumber: diubah suai daripada Sinar Harian, 14 Disember 2023

Jelaskan faedah sosial luaran yang wujud daripada pembinaan projek tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- 3 (a) Gambar berikut berkaitan dengan cukai yang dilaksanakan di Malaysia.



Gambar 1



Gambar 2

Bandingkan gambar 1 dan gambar 2?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (b) Kerajaan menjalankan dasar fiskal untuk mengatasi inflasi. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (c) Kerajaan sebagai pemangkin kepada globalisasi.
Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (USD).

Unit (USD)	Januari 2024 (RM)	Mei 2024 (RM)
1	4.7500	4.6900

- (i) Seorang pengimport Amerika Syarikat telah mengimport barang yang bernilai USD35 000 dari Malaysia dan membuat bayaran pada bulan Januari 2024. Berapakah jumlah Ringgit Malaysia yang telah dibayar?

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan implikasi terhadap eksport Malaysia apabila berlaku perubahan kadar pertukaran asing pada bulan Mei 2024.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian B**[40 markah]**

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu perbelanjaan kerajaan.

Kenaikan gaji 13% kepada 1.7 juta penjawat awam yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menambahkan perbelanjaan negara melebihi RM10 bilion untuk memastikan jumlah pendapatan minimum penjawat awam melebihi RM2 000 sebulan. Ini merupakan kadar yang tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara.

Sumber: diubah suai daripada bharian.com.my 2 Mei 2024

- (a) Huraikan jenis perbelanjaan yang terlibat. [4 markah]
(b) Jelaskan kesan perubahan gaji tersebut terhadap pasaran barang. [7 markah]
(c) Pengumuman tersebut dapat meningkatkan kualiti kehidupan penjawat awam. Beri hujah anda. [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu penunjuk ekonomi.

Pasaran Buruh Mengukuh, Kadar Pengangguran Menurun

KUALA LUMPUR: Kadar pengangguran menurun kepada 3.9% ekoran daripada persekitaran ekonomi yang positif telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai industri. Selain itu, konsep pekerjaan baharu yang fleksibel dari segi masa dan tempat telah menjadi pilihan individu pada masa kini. Ia memberi fleksibiliti kepada pekerja dan juga memberi keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan.

Sumber: diubah suai daripada sinar harian, 31 Julai 2023

- (a) Jelaskan jenis pengangguran tersebut? [4 markah]
(b) Bagaimanakah penurunan tersebut memberi kesan terhadap ekonomi negara? [7 markah]
(c) Konsep pekerjaan baharu telah meningkatkan produktiviti sumber manusia. Bincangkan. [9 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

Cukai Barangan Bernilai Rendah Menguntungkan Produk Tempatan



KUALA LUMPUR: Kerajaan akan melaksanakan cukai Barangan Bernilai Rendah (LVG) sebanyak 10 peratus ke atas barangan import bernilai RM500 ke bawah yang dijual dalam talian. Cukai yang akan berkuat kuasa 1 Januari 2024 ini memberi kesan kepada penjual dalam talian yang menjual barangan import. Namun begitu, pelaksanaan cukai ini akan membantu perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan agar lebih berdaya saing. Seterusnya dapat meningkatkan jualan dan pendapatan mereka.

Sumber: diubah suai daripada BH Online, 21 Disember 2023

- (a) Jelaskan bentuk sekatan tersebut. [5 markah]
 - (b) Bagaimanakah sekatan tersebut memberi kesan terhadap permintaan barangan tempatan? [6 markah]
 - (c) Pelaksanaan cukai tersebut akan mewujudkan ekonomi domestik yang lebih mampan. Bincangkan. [9 markah]
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing.

SHAH ALAM: Nilai ringgit yang dilaporkan menyusut pada kadar terendah mampu memberi kesan langsung kepada sektor import dan eksport negara. Pakar ekonomi, Dr. Nungsari Ahmad Radhi berkata, situasi tersebut sekali gus menyebabkan kos untuk mengimport barangan menjadi mahal.

Sumber: diubah suai daripada Kosmo.com.my, 23 Jun 2023

- (a) Terangkan faktor berlakunya perubahan nilai Ringgit Malaysia. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan perubahan kadar Ringgit Malaysia terhadap akaun dagangan. [7 markah]
- (c) Bagaimanakah situasi tersebut memberi kelebihan kepada pengeksport Malaysia? Beri pendapat anda. [9 markah]

RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN B

A blank sheet of white paper with horizontal dotted lines.